

Celik IT lemah minda?

HM 26/8/02 M/s 14

>>Oleh Mohamad Sofee Razak

REMAJA hari ini berhadapan dengan cabaran hidup semakin rancam dan menakutkan berbanding kehidupan dilalui ibu bapa mereka.

Peredaran dan perubahan zaman yang semakin cepat menjadikan trend dan kehendak remaja masa kini berbeza-beza.

Apa yang berlaku di Barat dengan mudah merebak ke seluruh dunia dengan kecanggihan dan teknologi yang ada hari ini seperti Internet.

Keadaan itu menimbulkan kebimbangan kepada banyak pihak kerana globalisasi menjadikan dunia semakin kecil dan segala kemungkinan boleh berlaku jika tidak dipantau dan dikawal sebaiknya.

Di Britain umpamanya ramai gadis muda mengakui mereka mengalami masalah kesihatan mental akibat tekanan supaya membesar lebih cepat daripada masanya.

Kajian dilakukan oleh Girlguiding UK mendapati remaja di bawah usia 14 tahun percaya pengaruh majalah, laman web dan rakan supaya bertindak secara seksual menjadikan mereka tidak gembira, malah mendorong sebahagiannya mencederakan diri sendiri dan mengalami masalah pemakanan.



LAYAR...penggunaan Internet oleh kalangan remaja memerlukan pengawasan.

Ia juga mendapati remaja merasakan diri teruk selepas melihat gambar model atau bintang pop popular dan memakai pakaian untuk membuat mereka kelihatan lebih berusia, menghilangkan berat badan, mengenakan mekap, malah ada mempertimbangkan untuk menjalani pembedahan plastik.

Ada juga yang tertekan untuk memiliki wang bagi membeli fesyen pakaian terbaru serta peralatan seperti iPod dan telefon bimbit.

Senario seperti itu sama ada sadar atau tidak sudah menular dan berakar di kalangan anak muda sebagai budaya popular dan gerakan liberalisasi Barat di negara kita sejak sekian lama.

Lambakan iklan dan pro-

mosi barangan keperluan di TV, Internet dan majalah khusus untuk kanak-kanak seperti alat mekap, pakaian dan lain-lain dengan jenama serta harga yang mahal sangat membimbangkan.

Terdapat iklan di stesen TV tempatan yang menunjukkan bagaimana model kanak-kanak bangga menunjuk dan mempromosikan alat solekan serta pakaian mahal.

Ini menjadikan kanak-kanak seolah-olah diajar dan digalakkan menggunakan produk yang tidak perlu itu.

Perkara terbabit sudah tentu akan membebankan ibu bapa dalam keadaan harga barang yang semakin meningkat. Ibu bapa perlu lebih proaktif menerangkan perkara sebenar kepada anak berke-

naan keperluan berkenaan.

Masalah tekanan emosi yang kian melanda kanak-kanak juga semakin menular dan tidak terkawal. Kajian berkaitan juga berpeluang gadis dan wanita muda di Barat dipaksa membesar pada tahap tidak normal dalam masyarakat dan merosakkan emosi mereka.

Justeru, semua pihak bertanggungjawab untuk membetulkan keadaan itu dan perlu menangani punca kesukaran yang dihadapi remaja sekarang.

Ini adalah realiti yang sedang berlaku di seluruh dunia termasuk di negara kita apabila anak kecil terpaksa bersaing sama sendiri seawal usia empat tahun dan mereka diajar untuk mencipta ke-

Ada juga yang tertekan untuk memiliki wang bagi membeli fesyen pakaian terbaru serta peralatan seperti iPod dan telefon bimbit.

jayaan dan kecemerlangan dalam peperiksaan dan ujian ketika di taman asuhan dan pusat jagaan lagi.

Sudah tentu ada baik dan buruknya kepada perkembangan anak dan dalam hal ini, kita perlu melihatnya secara lebih positif.

Jika 20 tahun dulu seorang kanak-kanak boleh membaca seawal usia empat tahun, sudah tentu dia akan dianggap cerdik dan akan dikebumuni orang ramai, namun hari ini kebolehan membaca, mengira, mengeja, menggunakan komputer dan bertutur dalam pelbagai bahasa ketika usia itu adalah perkara biasa dan lumrah.

Kanak-kanak hari ini menjadi semakin bijak dengan kemudahan dan sistem pembelajaran berkesan yang disediakan.

Biarpun begitu, satu sebuah laporan antarabangsa lain menyatakan kebergantungan kepada komputer dan terlalu sedikit membuat kerja meng-

Ada alasan saraf dan kognitif mengapa kanak-kanak perlu berpengalaman menggunakan tangan dalam elemen kehidupan seharian mereka.

Menggunakan tangan didapati menjadikan kanak-kanak lebih pintar menurut pakar kanak-kanak dan Barat misalnya semakin menjadi 'masyarakat program komputer berbanding pemutar skru' dengan implikasi serius pada ekonomi.

Generasi sekarang tidak mampu menangani masalah biasa mekanikal dan mereka nampaknya terlepas beberapa bahagian tertentu perkembangan kognitif kerana tidak pernah memegang spanner atau memperbaiki enjin.

Dalam perkembangan berkaitan juga di mana dalam satu penyelidikan mendapati kanak-kanak hari ini ketinggalan dalam bahagian penting perkembangan kognitif menjelang usia 11 tahun, manakala kajian selama 30 tahun yang diterbitkan dua tahun lalu mendapati pemahaman kanak-kanak mengenai konsep saintifik utama seperti isi padu, kepadatan, kuantiti dan berat jatuh 'secara drastik' sejak dekad lalu.

Persembahan budak berusia 11 tahun pada 1975 dalam pertengahan 1990-an adalah sama, tetapi jatuh menjelang 2004.

Satu kajian lain yang mem-

gunakan tangan boleh menyebabkan kehilangan skil kraftangan.

Pakar dalam hal ini memberi amaran keadaan itu mengancam perkembangan intelektual kanak-kanak.

Bukti perubatan menegaskan aktiviti praktikal bukan saja berkesan merangsang bahagian otak, ia juga sejenis 'senaman' untuk mengukuhkan kaitan saraf. Untuk itu, ibu bapa dan penjaga perlu lebih kreatif dan inovatif membantu dan membimbing kanak-kanak menjalani latihan praktikal seperti pertukangan, pemasangan dan berkebun serta tidak membiarkan anak leka bermain komputer di rumah.

Laporan berkenaan jika diteliti boleh meningkatkan keseimbangan pelbagai pihak berhubung keghairahan sekolah hari ini mengurangkan aktiviti praktikal seperti skil menggunakan kayu, logam, kraftangan dan mekanik.

Di rumah pula, kanak-kanak lebih berkemungkinan menekan butang pada papan kekunci komputer atau tetikus dan telefon bimbit saja daripada menggunakan kotak peralatan kerja.

perincian bagaimana golongan remaja menghabiskan masa melayari Internet dan menggunakan telefon bimbit mendapati lebih seorang daripada setiap 10 kanak-kanak di Britain berbual lucah secara online.

Ia menunjukkan bagaimana remaja Britain yang semakin celik teknologi berbanding rakan sebaya mereka di Amerika Syarikat dikatakan selalu berbohong kepada ibu bapa untuk memasuki laman web yang tidak sesuai dengan mereka dan berbual dengan orang asing.

Jika tidak dipantau oleh pihak berwajib boleh meracuni pemikiran mereka serta memberi impak negatif kepada proses perkembangan semula jadi kanak-kanak termasuk di negara kita.

Laporan Mobile Life, menyatakan 11 peratus remaja berusia 11 hingga 18 tahun berbual lucah secara online, manakala 28 peratus mengaku melayari laman web lucah.

Apa yang pasti etika, akhlak dan didikan agama secara menyeluruh sangat penting diberikan penekanan sebagai benteng dan bekalan menjalani kehidupan seharian mereka.